# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 16 — RABU 16HB APRIL, 1980. — 1400 رابو 30 جماديالاول — PERCHUMA




YANG Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa ketika beruchap.

## Anggota2 Pulis di-ingatkan:

# JALANKAN TUGAS DENGAN TABAH DAN JUJOR

JALAN MUARA. — Anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei telah di-ingatkan supaya sentiasa menjalankan tugas dengan jujor dan taat menurut perentah dan peratoran serta tabah dan sabar dalam menjalankan sa-barang kesulitan yang di-hadapi.

Di-samping itu mereka juga di-ingatkan supaya sentiasa tegas menegakkan undang2 negeri serta hormat dan berdisiplin dalam hubongan dengan orang ramai tanpa berpileh kaseh atau membeza-bezakan di-antara ahli2 masharakat.

Ingatan ini di-buat oleh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim ketika beruchap di-upachara tamat latehan bagi pegawai2 kadet dan anggota2 pulis yang baru yang telah di-adakan di-Pusat Latehan di-sini pada pagi Sabtu yang lalu.

Yang Teramat Berhormat Pehin Isa juga berharap agar anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei akan sentiasa berusaha pada menjaga dan mempertahankan nama baik pasokan ini sa-bagai memboktikan penghargaan dan kemegahan bagi Pasokan Pulis Diraja.

Ini, jelas Yang Teramat Berhormat itu lagi, sesuai dengan Pasokan Pulis Diraja Brunei yang di-berikan gelaran 'Diraja dan Panji2 Diraja" oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Lihat muka 12

## Manis-nya Iman

**MU'AWIYAH bin Al-Hakam As-Silmi mencheritakan; saya pernah mengatakan kapada Rasulullah : "Wahai Rasulullah ! Ada di-antara kami orang2 yang berpegang kapada angai." Baginda bersabda : "Angai itu suatu yang mereka dapati dalam dada (hati) mereka, maka tiada-lah patut sama-sekali perkara itu menghalang-halangi mereka."—HADITH Nabi riwayat Muslim.**

# Pupok semangat galat-mengalati dlm. hidup berkampong — Pmk. SUK.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-nya sikap tidak mementingkan unsor2 kegalatan dan hormat menghormati dalam hidup berjiran dan berkampong akan mudah menjejaskan suasana keharmonian di-kampong2.

Sikap tidak peduli dan suka melaksanakan perkara2 yang menyinggong atau bertentangan dengan kepentingan kampong masing2 atau mengganggu keselesaan jiran telah juga di-tegor.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Awang Md Taib dalam menyentoh masaalah tersebut telah menyeru Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang supaya melaksanakan usaha2 untok memupok semangat galat-menggalati di-kalangan anak buah mereka bagi menghindarkan sebarang perselisehan yang boleh mengganggu keharmonian berkampong itu.

Beruchap di-majlis penutop Kursus Sivik bagi Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang di-Pusat Belia pada hari Khamis yang baru lalu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu mengharapkan supaya mereka akan dapat menyelesaikan masaalah2 yang sering timbul yang berpuncha dari salah faham yang demikian itu.

Di-pehak Kerajaan, katanya, sa-jauh ini telah melaksanakan bermacham2 peratoran dan kemudahan untok kebajikan anak2 kampong.

Namun demikian, jelas beliau, maseh terdapat golongan yang tidak puas hati dan selalu melaksanakan perkara2 yang menyinggong atau bertentangan dengan kepentingan kampong masing2.

Ini termasok-lah sikap menembok tanah yang menyebabkan tertimbus aliran dan mematikan tanaman orang lain; memelihara ayam itek hingga mengganggu kebersehan dan keselesaan jiran sebelah; mendirikan rumah hingga menutop perjalanan; dan, berkongsi membuat rumah sewa dengan orang lain tanpa usol pereksa hingga mengganggu keharmonian kampong.

"Di-sini-lah letak-nya hekmat kegalatan dan kebijaksanaan serta keperchayaan yang telah saya sebutkan tadi yang mana sifat2 ini membolehkan tuan2 sa-laku orang2 yang di-galati dan di-perchayai untok menyelesaikan masaalah2 yang sering timbul itu," tegas Yang Berhormat itu.

Beliau yakin jika sifat2 demikian yang di-tambah lagi dengan sifat rajin dan mahu memadulikan, maka segala per-

Lihat muka 20



DATO Awang Abdul Rahman menyampaikan sijil kapada Ketua Kampong Tasek Meradun, Pengiran Haji Ahmad bin Pg Md Daud.

# Kerajaan sediakan $2 billion untok Ranchangan Kemajuan ke-4

BANDAR SERI BEGAWAN. — **Hampir dua billion ringgit telah di-peruntokkan untok Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang ke-empat yang pelaksanaan-nya akan terus berjalan sa-hingga tahun kemerdekaan 1983.**

Saperti ranchangan2 kemajuan yang lalu, ranchangan kemajuan negara yang ke-empat ini ada-lah melaksanakan penerusan usaha untok mengwujudkan kemudahan2 asas yang benar2 dapat menemui kehendak sa-genap bidang kegiatan kemajuan.

Demikian di-nyatakan oleh Yang Berhormat Pemangku Pengarah Perjawatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman minggu lalu.

Beruchap dalam ramah mesra dengan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang yang menghadhiri Kursus Sivik di-Pusat Belia, YB Dato Haji Zakaria menyatakan bahawa antara projek2 yang akan terus di-laksanakan di-bawah ranchangan itu ia-lah pembenaan jalan2 raya dan jambatan2 bagi melichinkan lagi kemudahan perhubongan, mengadakan bangunan2 baru untok kegunaan beberapa perkhidmatan dan beberapa rangkaian projek penting lainnya yang perlu di-adakan atau di-lengkapkan terlebeh dahulu.

Tentang sama ada projek2 itu dapat di-selesaikan dalam tempoh ranchangan kemajuan itu berjalan, YB Dato Haji Zakaria merasa ragu untok memberikan jaminan, kerana, menurut beliau, negara sedang menghadapi masaalah kekurangan tenaga2 tempatan yang berkemahiran dan berpengalaman.

Menurut-nya, pada masa ini kita hanya mempunyai kira2 200 orang anak2 tempatan yang memegang jawatan2 yang tinggi di-jabatan2 Kerajaan dan jumlah itu di-sifatkan beliau sa-bagai tidak menchukopi untok melaksanakan jentera2 kerajaan.

Lihat muka 20

# Bantu Kerajaan dalam menjayakan pembangunan negara—Haji Badaruddin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang telah di-seru agar terus menerus berusaha membimbing anak2 buah mereka untok menyukong serta membantu kerajaan dalam menjayakan pembangunan negeri ini.

Untok menghilangkan keraguan serta shak wasangka di-kalangan orang ramai khas-nya anak2 kampong terhadap hasrat kerajaan dalam berbagai bidang perkembangan negeri ini, mereka juga telah di-minta supaya berikhtiar memberi penerangan melalui oleh2 yang telah mereka perolehi dalam kursus yang telah mereka jalani.

Ini telah di-nyatakan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman yang beruchap di-Majlis penutop kursus sivik kali ketiga bagi Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang yang telah berlangsong di-Pusat Belia di-sini minggu lalu.

Demi menjamin kesejahteraan negeri ini, Awang Hj

Lihat muka 20

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 16HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
5.30 SPREAD YOUR WINGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KIDNAPPED — Epik drama Scotland dan France oleh Robert Louis Stevenson sa-lepas Perang Culloden.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.36 BEWITCHED — "Samantha and Darrin in Mexico City" Sa-lepas menghina Endora, Darrin menghilang apabila ia berchakap Sepanyol.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN — "Have You Hugged Your Nurse Today"
7.43 AZAN ISHA
7.47 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE PROFESSIONALS
9.40 TAYANGAN GAMBAR TV: "Incredible Rocky Mountain Race"
11.10 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 17HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 UNDER THE SAME SUN — Siri ini kembali menemui para penonton dengan cherita2 lama dari berbagai negeri.
5.30 SPIDERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SALVAGE
6.31 AZAN MAGHRIB



SHIRLEY Jones, sa-bagai pelakun utama dalam siri drama keluarga yang baru — SHIRLEY — yang mengesahkan sa-orang janda dan keluarga-nya dalam menghadapi sendiri penghidupan yang baru.

6.35 SALVAGE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL — "The Storm — Bahagian pertama. The Venneford Ranch menghadapi dua anchaman . . . . ribut salji yang dahshat dan tudohan2 penipuan terhadap Oliver Seccombe oleh jurukira Scottish yang bengis Finlay Perkins.
7.43 AZAN ISHA
7.47 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 DOCUMENTARY: "Sale of the Century"
10.25 GARRISON'S GORILLAS — "Magnificent Forger" The Gorilla menchari daftar Nazi mengandongi ajen2 bersekutu untok di-hapuskan.
11.15 PERLAWANAN GUSTI
12.05 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 18HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 BAD NEWS BEARS
5.00 SAYANG ADEK-KU SAYANG
5.30 THE MUPPETS — "Lola Philana"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CASPER AND THE ANGELS
6.26 DICK TURPIN
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 DICK TURPIN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TELEMATCH
7.43 AZAN ISHA
7.47 TELEMATCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 SERBA SERBI
9.00 SOME MOTHERS DO 'AVE 'EM
9.30 QUINCY
10.20 BIG LEAGUE SOCCER
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 19HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW SCOOBY DOO — "A Scary Night With A Snow Beast Fright" Satu perentah segera dari Professor Krueger menyebabkan panglima2 dihantar ka-Khutub Utara di-mana mereka dapati Professor itu telah dicholek oleh sa-orang Snow Beast raksaksa.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 WARISAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "The Lost Child"
7.43 AZAN ISHA
7.47 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA



SATU adigan dari sa-buah lagi siri baru — KIDNAPPED yang mula di-tayangkan pada hari ini jam 6.05 petang.

8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
10.30 BIG VALLEY
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 20HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 ROAD TO WEMBLEY
5.30 READING WITH LENNY
5.45 HANDFUL OF SONGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S GALAXY GOOF UPS
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 DON'T ASK ME

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 JUST FRIENDS — "The Boy In the Band" Susan dan Coral mendapati Leonard membuat keputusan yang salah . . . dan yang tidak dapat di-elakkan.
9.00 PERADUAN NYANYIAN AMATUR ASIA
9.50 THE SEEKERS
11.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 21HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE — "The Paper Dragon" Mumfie dan Scarecrow mengembara dengan sa-ekor naga kuning.
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 TALES FROM 1,001 DAYS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "The Choice" Grizzly menolong sa-orang budak lelaki yang sukar untok memutuskan samada ia mahu membebaskan kijang peliharaan kesayangan-nya.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.43 AZAN ISHA
7.47 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 PUSPARAMA
9.40 ROAD TO MOSCOW
10.30 LOU GRANT — "Home"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 22HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SKY — Kuasa2 alam semula jadi dengan menyamar diri sa-bagai goodchild maseh menyerang Sky dan menyebabkan satu kemalangan di-mana ibu Arbie terchedera.
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "The Silent City"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SHIRLEY — Bagaimana-kah sa-orang janda dengan tiga orang anak-nya memulakan penghidupan baru-nya ? Soalan ini yang agak luarbiasa ketika menjalani penghidupan moden yang penoh simpati dan keluchuan dalam drama-komidi baru ini.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SHIRLEY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 A MAN CALLED SLOANE
7.43 AZAN ISHA
7.47 A MAN CALLED SLOANE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR: "Hello Dolly"
11.20 SIARAN TAMAT.

PELITA BRUNEI



LOUIS Armstrong dan Barbara Streisand dalam "Hello Dolly" yang akan di-tayangkan pada hari Selasa 22hb April, jam 9.15 malam.

## intisari RTB minggu ini

## Filem berchorak m dalam tayangan g hari Selasa in

HELLO DOLLY! — Filem berchorak m
di-saksikan pada hari Selasa jam 9.15
Barbara Streisand ada-lah Mrs Dolly
janda muda yang terkenal, kini sa-orang
dan sedang menchari teman untok Horac
sa-orang pedagang yang berjaya di-Yonk

Vandergelder i
wini Irene Molly
kedai perusahaa
tan. Ini di-sam
pada Corneliu
Barnaby Tucker,
rani di-kedai-nya
lepas Dolly men
dergelder kapada
mutuskan ia ma
bagai suami. Ja
ia mengumomka
akan pergi ka-Ne
meminang Irene,
menghalang-nya.
nakan berbagai
mana berakhir d
romantik yang
mewa.



TIMOTHY Dalton (kiri) sa-bagai Oliver Seccombe dan Lynn Redgrave (kanan) sa-bagai Charlotte Seccombe dalam satu adigan dari "Centennial" dengan episod yang berjodol "THE STORM" (gambar atas).

## The Incredible Rocky Mountain Race — malam ini

YOUNG Mark Twain dan sa-orang lawan-nya memulakan perlumbaan dari Missouri, dalam tahun 1861. Orang2 di-bandar yang sudah jemu dengan perlawanan dua orang pemuda ini yang mengganggu keamanan, membuat satu ranchangan untok menghapuskan pengganggu2 keamanan ini. Mereka meranchang untok mengadakan THE INCREDIBLE ROCKY MOUNTAIN RACE.

Pendudok St Joseph berharap perlumbaan ini akan menyebabkan kedua mereka keluar dari bandar ini. Untok memenangi-nya, salah sa-orang dari peserta-nya hendak-lah chuba sampai ka-Lautan Pasifik. Itu senang sahaja. Yang sukar ia-lah bila ia tiba di-sana, ia akan menghadapi lima perkara yang sukar di-dapati, termasok-lah bulu burong helang, dll.

Perlumbaan berjalan dengan penoh keseronokan tetapi terdapat banyak halangan2 untok di-tempohi. Chubaan2 mereka untok mendapatkan kelima2 jenis barang yang di-perlukan membawa kapada insiden2 yang menyeronokan tatkala mereka chuba merebut2 di-antara satu sama lain.

CASPER hantu yang peramah begitu sebok sekali dalam siri animasi keluaran baru ini. Ia menolong Maxi (kiri) dan Mini, wanita2 peronda angkasa lepas yang pertama. Siri ini dapat di-saksikan pada hari Jumaat, jam 6.05 petang (gambar bawah).





SA-BUAH ranchangan baru telah mula di-terbitkan oleh Bahagian Melayu RTB. Ranchangan ini ia-lah untok mengajar para pendengar khusus-nya adek2 menyanyi lagu2 yang di-pileh khas. Ranchangan ini ka-udara pada tiap2 hari Khamis, jam 1.30 petang dan di-ulang siaran-nya pada hari Jumaat, jam 3.30 petang.

Gambar atas kelihatan S. Ros sedang mengalunkan sa-buah lagu Lambang Negara sambil di-perhatikan oleh Penerbit Ranchangan, Ak Sulaiman bin Pg Haji Tuah.



ADIGAN2 dalam The Incredible Rocky Mountain Race dapat di-saksikan pada malam ini.



## *Mufti Kerajaan mengingatkan:*

# JANGAN LEKA DENGAN NEKMAT2 DUNIA



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd Aziz mengingatkan agar umat Islam tidak leka dengan nekmat2 dunia semata-mata tanpa menshukori-nya kerana sa-sunggoh-nya nekmat2 itu ada-lah di-limpahkan oleh Allah jua.

Islam ada-lah memestikan umat-nya supaya menyedari hakikat rahmat Allah itu terutama yang di-kurniakan kedudokan di-kalangan masharakat dan hendak-lah mempergunakan rahmat itu dengan adil menurut apa yang di-perentahkan oleh Allah.

Beruchap di-majlis ramah mesra dengan Penghulu2, Ketua Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang yang telah mengikuti kursus Sivik bagi kumpolan yang kedua di-Pusat Belia pada malam Isnin minggu lalu, Mufti Kerajaan itu menjelaskan bahawa adalah amat burok akibat-nya bagi mereka yang mengingkari perentah Allah.

Mufti Kerajaan itu menekankan bahawa ada-lah dituntut oleh Islam supaya orang2 yang berkedudokan dan kelebehan itu melaksanakan tanggong-jawab-nya dengan penoh keadilan, jujor dan amanah dan bersedia menyumbangkan bakti kapada yang memerlukannya.

Perlu di-ketahui, katanya, bahawa orang2 yang di-beri kelebehan itu sesunggoh-nya mempunyai tanggong-jawab untok menolong pada yang memerlukan pertolongan dan Islam menegah dari mengingkari tuntutan ini.

Yang Dimuliakan itu menegaskan bahawa mereka yang berkedudokan demikian dan siapa saja yang mendapat rahmat dan nekmat Allah di-muka bumi ini perlu merafakkan keshukuran ka-hadhrat Allah untok mendapatkan keredhaan-Nya.

Perlu di-ingat, kata-nya, bahawa Allah itu maha berkuasa dan sesunggoh-nya Allah boleh melakukan apa jua yang di-kehendaki-Nya.

Untok merafakkan keshukoran dan terima kaseh kita kapada Allah itu terang-nya, ia-lah melalui sembahyang lima waktu yang mempunyai hekmat2 besar lagi tersendiri dan ibadah itu ada-lah merupakan penghubong penting antara kita dengan Allah.

Dalam ramah mesra yang sengkat itu, Mufti Kerajaan sempat menghuraikan tentang mengapa zakat-fitrah, berpuasa, naik haji di-pentingkan dalam Islam yang di-simpulkan-nya sa-bagai sa-suatu yang sesunggoh-nya merupakan jaminan2 yang hakiki untok kesejahteraan hidup di-dunia dan di-akhirat.

Yang Dimuliakan itu mengingatkan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang itu supaya menjalankan khidmat mereka dengan penoh adil, amanah dan jujor dan hanya melalui yang demikian saja-lah kesejahteraan akan dapat di-nekmati dengan sebaik2-nya.

Dalam ramah mesra itu Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menjelaskan bahawa majlis ramah mesra itu ada-lah bertujuan untok memupok perhubongan muhibbah antara orang2 kenamaan dan pembesar2 negara dengan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang itu.

Perhubongan muhibbah ini, kata-nya, ada-lah penting kerana ia-nya merupakan salah satu jalan untok menerbitkan rasa bersefahaman yang lebeh kukoh di-antara yang sama2 berkepentingan terhadap pembangunan bangsa dan negara.

Wakil peserta kursus, Orang Kaya Pekerma Indera, Awang Haji Jilli bin Ibrahim di-samping mengalu2kan kursus itu telah juga mensifatkan-nya sa-bagai satu langkah yang amat baik dan berfaedah, kerana kursus itu ada-lah merupakan bimbingan terhadap perkara2 yang perlu di-ketahui oleh mereka terutama-nya mengenai perkara2 dalam kerajaan yang berhubong rapat dengan masharakat kampong.

Peserta2 kursus, katanya, menyambut baik dan berpuas hati terhadap sikap pencheramah2 yang terdiri dari ketua2 dan pegawai2 kanan kerajaan yang telah dapat memberikan penjelasan yang perlu terhadap perkara2 yang di-timbulkan oleh para peserta.

## 133 permohonan di-luluskan untok majukan Pengusaha2 Melayu



Awang Metassan bin Momin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejak bermulanya Skim Kemudahan Kewangan Bagi Perniagaan Kechil dan Sederhana pada 1hb Ogos 1977 hingga 31hb Disember 1979, Lembaga Kemajuan Ekonomi telah meluluskan sa-banyak 133 permohonan pinjaman dari peniaga2 bumiputera.

Bagi kemudahan tersebut, lembaga telah menguntokkan wang yang berjumlah $6,366.862.00 di-mana sa-jumlah $3,754.513.02 dari peruntokkan ini telah pun di-keluarkan.

Dalam masa tersebut sa-jumlah $430,715.72 dari peruntokkan yang telah di-keluarkan telah pun di-bayar balek manakala baki yang belum di-jelaskan ia-lah sa-jumlah $3,323,797.30.

Ini telah di-nyatakan oleh Awg Metassan bin Momin, sa-orang pegawai dari Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei semasa memberikan cheramah kapada Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang yang mengikuti kursus Sivik di-Pusat Belia di-sini minggu lalu.

BENTOK PERUSAHAAN

Dalam cheramah yang bertajok 'Peranan dan Tanggong-jawab Lembaga Kemajuan Ekonomi' itu, beliau memberitahu, pinjaman yang telah di-luluskan itu ada-lah bagi tujuan projek2 saperti Pengangkutan, Pertanian, Penjual Minyak, Perchetakan, Kedai, Kilang Papan dan Pembalakan serta Kilang Perabot, Perikanan, Perumahan dan Pembekal am.

Tambah beliau, skim tersebut ada-lah bertujuan untok memudahkan orang2 Melayu Brunei atau Bumiputera mendapat sumber kewangan untok di-jadikan modal bagi memulakan atau membesarkan apa jua perusahaan atau perniagaan yang viable atau boleh maju.

Ia-nya ada-lah juga untok membolehkan peniaga2 Melayu di-negeri ini mendapat modal atau sumber kewangan dengan kadar dan sharat2 yang berpatutan, misalan-nya, bayaran premium di-antara 6-8% dalam tempoh bayaran yang sesuai.

Beliau juga menyatakan yang skim tersebut ada-lah berhasrat untok menambahkan lagi bilangan bumiputera berkechimpong dalam perusahaan dan perniagaan supaya penyertaan antara kaum dalam kegiatan ekonomi akan lebeh seimbang, di-samping untok melahirkan kumpolan pemimpin peniaga yang mahir dari gulongan orang2 Melayu Brunei yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

## 90 peratus nekmati saloran ayer paip



Y.B. Dato Seri Paduka Haji Talib Derwish.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Hj Talib bin Derwish menyatakan bahawa pada masa ini sa-jumlah 90 peratus pendudok di-negeri ini telah menekmati saloran ayer paip.

Ini tambah-nya, termasok-lah penyaloran ayer paip sa-jauh enam sa-tengah batu yang sedang di-usahakan oleh kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya di-Daerah Temburong ia-itu dalam kawasan Kampong Bokok dan sekitar-nya.

Kemudahan2 yang di-laksanakan ini, jelas Yang Berhormat itu lagi, ada-lah sa-bahagian daripada Ranchangan Kemajuan Kerajaan bagi tempoh lima tahun (1975-1979) yang lalu yang mana sedikit sa-banyak telah memberikan kesenangan dan kemudahan kapada raayat di-negeri Brunei Darussalam yang kita chintai ini.

Lain2 ranchangan yang telah dapat di-selanggarakan dalam tempoh tersebut melalui Jabatan Kerja Raya kata Yang Berhormat ia-lah pembenaan jalan-raya dan peninggian taraf2 jalan2 di-ke-empat2 Daerah di-mana hingga sa-takat ini sa-jauh kira2 150 batu jalan-raya yang baru telah di-buat dengan jaya-nya.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awg Hj Talib telah menyatakan demikian ketika beruchap di-majlis ramah mesra antara Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang yang mengikuti kursus sivik bagi kali yang ketiga yang telah di-adakan di-Pusat Belia di-ibu negeri di-sini pada malam Rabu 9hb April yang baru lalu.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam usaha untok meninggikan chara hidup dan memberikan kesenangan serta kemudahan2 raayat di-negeri ini akan terus berusaha dengan tidak kendur2-nya ia-itu dalam Ranchangan Kemajuan Kerajaan yang baru ia-itu dari tahun 1980 hingga 1984, jelas Yang Berhormat.

Maka untok menchapai tujuan kerajaan itu, Yang Berhormat telah menyeru Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang dalam untok menghadapkan chadangan2 keperluan2 yang munasabah dan mendapatkan buah fikiran dan chadangan2 tersebut melalui pegawai2 daerah untok pertimbangan pehak2 yang berkenaan salanjut-nya.

Kerana kata-nya, Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang ada-lah merupakan satu sumber utama dalam menjayakan hasrat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu.

Dari itu YB Dato Haji Talib mengharapkan supaya Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang dapat memahamkan kapada anak2 buah masing2 di-mana keperluan2 mereka tersebut terpaksa di-timbangkan dan di-kaji oleh kerajaan mengikut keutamaan masing2 dan akan di-laksanakan mengikut giliran dari satu masa ka-satu masa.

Terdahulu dalam uchapan-nya, Yang Berhormat menjelaskan bahawa majlis ramah mesra itu sedikit sa-banyak menambahkan rasa faham memahami dan berkerjasama dalam menjalankan tanggong-jawab masing2 yang telah di-amanatkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

# SEKITAR KURSUS SIVIK PENGHULU2, KETUA2 KA
# DAN KETUA2 RUMAH PAN





MENDAFTAR nama peserta yang menyertai kursus sementara gambar kanan kelihatan peserta2 kursus ketika di-bawa melawat ka-projek ternakan lembu McFarm di-Kampong Tungku.



KURSUS Sivik bagi Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang diseluroh negeri telah berakhir pada hari Jumaat lalu. Kursus kali ketiga itu di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan2 Daerah dan Jabatan Hal Ehwal Ugama. Lebeh 200 orang peserta menyertai kursus yang telah diadakan dalam dua kumpolan itu. Kumpolan yang pertama yang mengandongi sa-ramai 108 orang menjalani kursus tersebut dari 23hb Mach hingga 27hb Mach dan kumpolan kedua dari 6hb April hingga 11hb April.

Sa-masa menghadhiri kursus, Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang itu telah mendengar cheramah2 mengenai sekitar Adat Istiadat; Keselamatan; Undang2 dan Taraf Keraayatan; Undang2 Imigeresen; Asas Keuga-

maan Da
sa-seorang
mah2 u
ka-Projek
jek Terna
mesra de
Tinggi K
halusi Pe

Kursus
itu telah
Pengiran
Pengiran
pada hari
penutopan
hormat P
Setia Abd
Taib, pada

BEBERAPA cheramah telah di-sampaikan kapada peserta2 kursus termasok mengenai Undang2 dan Taraf Keraayatan oleh Awang Abas bin Haji Serudin (atas); mengenai Keselamatan yang di-sampaikan oleh Dk Noralam bte Pg Haji Matarsad (bawah kiri) dan mengenai Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei oleh Awg Metassan bin Momin. Gambar paling bawah kelihatan peserta dan pegawai2 Kerajaan ketika bersembahyang berjemaah.







U
da
Za
U







# ...NG
# ...G





BERGAMBAR ramai sa-bagai kenang-kenangan. (Atas) peserta2 dalam Kumpolan Pertama dan (bawah) peserta2 dalam Kumpolan Kedua.



...dan Tanggong-jawab ... serta juga chera... ...2 Suboh; Lawatan2 ... di-Wasan dan Pro... ...gku; majlis2 beramah ...maan dan Pegawai2 ...g atorchara meng... ...ah dan Doa Arwah.

... sa-lama dua minggu ... Yang Amat Mulia ...raja Sahibol Bandar ...ngiran Mohd Daud, ...h sementara majlis ...kan oleh Yang Ber... ...aha Kerajaan, Dato ...ato Setia Haji Mohd ...







...k perhubongan muhibbah antara Pegawai2 Kanan Kerajaan dengan Penghulu2, Ketua2 Kampong ...h Panjang itu, tiga orang pegawai telah di-undang untok beramah mesra. (Atas) Y. B. Dato Haji ...o Haji Talib dan YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Ismail bin







DI-SAMPING mendengar cheramah2 dan lawatan2 ka-beberapa projek Kerajaan, peserta2 kursus juga di-tunjokkan bagaimana chara yang betul menyempurnakan jenazah saperti kelihatan di-gambar atas.

# UPACHARA TAMAT LATEHAN

Dari Muka 1

Sa-lain daripada itu, tambah Yang Teramat Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri berkenan menjadi Inspektor General bagi Pasokan Pulis Diraja dan beberapa orang ahli2 kerabat Diraja juga menyandang pangkat2 terhormat dalam pasokan ini yang mana kesemua-nya memboktikan minat yang mendalam oleh Kebawah DYMM dan kerabat2 Diraja terhadap pasokan itu.

Terdahulu dari itu Yang Teramat Berhormat berkata bahawa anggota2 yang menamatkan latehan pada pagi itu telah di-lengkapkan dengan latehan2 asas, undang2 dan tugas2 am pulis dan di-berikan pelajaran tambahan saperti pertolongan chemas, berenang dan menyelamat jiwa serta latehan2 judo.

Di-samping itu, para anggota2 juga di-beri peluang melawat beberapa buah jabatan kerajaan untok menyaksikan dengan lebeh dekat lagi tentang tugas2 yang di-laksanakan dan mendengarkan penerangan2 yang di-berikan oleh pehak2 yang berkenaan termasok penerangan dan pencheramah dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

"Latehan dan pelajaran tambahan ini sudah tentunya akan menambah lagi pengetahuan dan melengkapkan diri Awang2 sa-bagai anggota2 pulis yang lebeh chekap dalam menjalankan tugas Awang2 nanti", ujar Yang Teramat Berhormat.

"Dengan tamat-nya kursus2 latehan yang Awang2 telah jalani di-pusat ini akan memberikan peluang Awang2 sekalian sa-telah menunjokkan potensi masing2 dalam menjalankan tugas, di-hantar menjalani kursus di-seberang laut yang mana akan membukakan peluang Awang2 untok memajukan kerjaya Awang2 dalam Pasokan Pulis Diraja Brunei sa-tapak demi sa-tapak sesuai dengan kebolehan masing2", tambah Yang Teramat Berhormat.

Dua orang pegawai kadet ia-itu Ak Haji Wahab bin Pg Haji Omar dan Awang Ibrahim bin Awang Hassan telah di-pileh sa-bagai pegawai2 kadet yang terbaik dalam semua jurusan.

Di-samping itu sa-ramai tiga orang telah juga di-pileh sa-bagai rekrut terbaik bagi pengambilan yang kelima tahun 1979. Mereka ia-lah Rekrut 1783 Awang Ghani bin Ali terbaik dalam semua jurusan; Rekrut 1546 Awang Md Salleh bin Metussin terbaik dalam undang2 dan tugas2 Pulis dan Rekrut 870 Awang Kamis bin Haji Ahmad terbaik dalam kawad, kawad rusohan, latehan jasmani dan latehan senjata.

Turut hadhir di-upachara tersebut termasok-lah Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan Penolongnya, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong serta keluarga2 rekrut2 yang menamatkan latehan pada pagi itu.



GAMBAR atas kelihatan Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa menguchapkan tahniah kapada salah sa-orang pegawai kadet yang telah menamatkan latehan sementara gambar bawah Yang Teramat Berhormat menyampaikan 'baton' kapada rekrut terbaik dalam semua jurusan, Rekrut Awang Ghani bin Ali.



## Sifat pemugut di-kalangan masharakat di-bidas keras

PEKAN BANGAR. — Ketua Pos Agong, Pengiran Jeludin bin Pengiran Limbang telah membidas tentang ada-nya perbuatan atau sifat si-"pugut" di-kalangan masharakat kita Brunei yang merosakkan harta benda dan kebisaian negara.

Sifat atau tabi'at sa-umpama itu kata-nya patut-lah kita kikis habis2an dan jangan lagi terdapat isi dan pendudok negeri Brunei Darussalam ini sa-bagai "amai tangan" sa-hingga boleh merosakkan hartabenda yang bernilai.

Amalan saperti ini jika berlarutan, tambah beliau itu lagi mungkin akan membawa kapada yang lebeh serius ia-itu 'sabotage' yang boleh membahayakan diri sendiri, masharakat serta negara.

Ini, telah terbokti dan terjadi dan ternyata saperti merosakkan tandas2 awam, mengotorkan taman2 bunga, merosakkan jentera2 letrik, merosakkan alat2 perikanan dan lain-lain lagi.

"Pandai tangan untok kepentingan dan pembisaian negeri ada-lah di-galakkan tetapi amai tangan ada-lah di-tegah keras", ujar beliau selanjut-nya.

Pengiran Jeluddin membuat bidasan itu ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Peraduan Membacha Al-Kor'an dan Sharahan Sekolah2 di-Daerah Temburong yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah di-Pekan Bangar di-sini pada 6hb April yang baru lalu.

Pengiran Jeluddin telah menyeru murid2 yang di-bangku sekolah akan sentiasa menyedari sendiri bahawa negara kita akan menghadapi zaman kegemilangan yang mana perbuatan sa-umpama itu tidak samesti-nya di-timbulkan dalam negara menempoh zaman yang baru pada tahun 1983 nanti.

Menyentoh mengenai dengan peraduan Al-Kor'an dan Sharahan pada pagi itu beliau menjelaskan bahawa ia-nya di-adakan bukan-lah semata-mata untok merebut hadiah2 akan tetapi ia-nya lebeh bertujuan untok meninggalakan murid2 lebeh berani ketika berhadapan di-khalayak ramai samada ketika berbahas, berbinchang atau sa-bagai-nya.

Di-samping itu Pengiran Jeluddin juga telah mengingatkan kapada penuntut2 supaya tidak akan mengabaikan tanggong-jawab masing2 di-mana peluang untok mempelajari apa juga bidang ilmu pengetahuan sentiasa di-bukakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Maka untok itu kerajaan, melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama tidak akan kendur2 pada menyempurnakan tanggong-jawab sa-demikian sesuai dengan ideoloji negara bahawa "Ugama Islam ada-lah Ugama Rasmi" ini pada memperkembangkan kemajuan terutama sekali dari segi pembachaan Al-Kor'an.



SHARIKAT Penerbangan British telah memberhentikan perkhidmatan jumbo-nya antara London-Brunei mulai 6hb April yang lalu. Untok menggantikan perkhidmatan itu sharikat ter sebut sekarang menggunakan kapalterbang jenis TriStar 500 (gambar atas) yang telah mendarat di-lapangan terbang antarabangsa Brunei buat pertama kali-nya pada 6hb April yang lalu.

Berikutan dengan pertukaran perkhidmatan itu, jadual penerbangan antara London-Brunei-London juga di-ubah. Pesawat itu berlepas meninggalkan London pada tiap2 hari Sabtu jam 2.00 petang (pukol 7.00 waktu Brunei) melalui Abu Dhabi, Calcutta dan Bangkok dan berlepas meninggalkan Brunei pada tiap2 hari Ahad jam 7.05 malam melalui Bangkok, Abu Dhabi.

Kapalterbang jenis TriStar 500 ini boleh membawa 235 orang penumpang dan memendekkan masa penerbangan antara London-Brunei sa-banyak lima jam.

## Jawatankuasa Kelab Ria

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tadbir Kelab Ria Bandar Seri Begawan bagi tahun 1980/81 telah di-bentok dalam mashuarat tahunan-nya 30hb Mach lalu.

Dalam mashuarat itu, Awg Mohd Ali Nordi dan Awg Abd Wahab bin Muhammad masing2 di-pileh sa-bagai Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua.

Awg Abas bin Haji Omar di-lantek sa-bagai Setia Usaha dan Awg Shamsuddin Idris sa-bagai Timbalan-nya.

Bendahari ia-lah Awg Haji Sulaiman bin Haji Abd Wahab, Setia Usaha Sosial — Pengiran Bubin bin Pg Abdul Rahman; Setia Usaha Sokan — Awg Zulkifli bin PDPM Haji Abdul Halim.

Sa-lain itu enam orang di-pileh sa-bagai ahli2 jawatankuasa. Mereka ia-lah Awg Lim Phan Hoon, Pg Jambul bin Pg Haji Sulaiman, Awg Md Taib bin Haji Bagol, Awg B.C. Scully, Pg Damit bin Pg Ahmad dan Awg Masri bin Haji Mat Salleh.

Awg Suhaili bin Umar dan Awg Lim Chim Leong di-lantek sa-bagai Pemereksa Kira2.

## Peraduan Nashid Perengkat Daerah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Nashid Perengkat Daerah Brunei dan Muara yang di-adakan sempena sambutan Isra' dan Me'raj tahun 1400/1980 akan di-adakan pada hari Ahad 4hb Mei, 1980 bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-Batu 1½ Jalan Tutong. Peserta2 yang berjaya di-perengkat ini akan bertanding di-perengkat saparoh akhir yang akan di-adakan kemudian.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari sekarang dari Awang Mohd Yusof bin Perak di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Awang Pungut bin Kassim di-Pejabat Kadzi Daerah Brunei dan Muara. Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada hari Khamis 1hb Mei, 1980 jam 3.30 petang.

Manakala di-Daerah Belait borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Che'gu Abdul Rahman bin Piah di-Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan, Kuala Belait. Pertandingan akan di-adakan pada 24hb April, 1980 dan borang2 hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari esok hari Khamis 17hb April.

